



PERATURAN TETAP SUKAN MALAYSIA



1. **DEFINISI**

- 1.1 **'SUKAN MALAYSIA'** adalah bermaksud satu pertandingan pelbagai jenis sukan (multi sports event) peringkat umur bawah 21 tahun yang dipertandingkan antara Negeri di Malaysia
- 1.2 **'NEGERI'** bermaksud Majlis Sukan Negeri yang ditubuhkan di bawah Seksyen 7.1 Akta 29 Undang-Undang Malaysia dan kontinjen-kontinjen yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia.
- 1.3 **'JAWATANKUASA TERTINGGI'** bermaksud sebuah jawatankuasa yang akan menetapkan perkara-perkara dasar, Peraturan Sukan Malaysia bagi membolehkan Sukan Malaysia dapat berjalan dengan lancar menurut masa, giliran serta peraturan yang ditetapkan.
- 1.4 **'JAWATANKUASA KHAS TEKNIKAL'** bermaksud sebuah jawatankuasa yang akan bertanggungjawab menyelaras penyertaan kontinjen-kontinjen, persediaan dan pengurusan teknikal sukan-sukan yang dipertandingkan.
- 1.5 **'JAWATANKUASA PENGELOLA'** bermaksud Jawatankuasa yang dilantik untuk mengelolakan 'Sukan Malaysia'.
- 1.6 **'PENGERUSI'** bermaksud Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia.

2. **PRINSIP-PRINSIP ASAS**

- 2.1 'SUKAN MALAYSIA' adalah satu acara kebangsaan di bawah anjuran Majlis Sukan Negara Malaysia dan akan dianjurkan semula 2 tahun sekali bermula dari tahun 2014 untuk atlet peringkat umur bawah 21 tahun.

- 2.2 'SUKAN MALAYSIA' akan diperhitungkan mulai daripada 'SUKAN MALAYSIA' Pertama berlangsung di Kuala Lumpur pada tahun 1986.
- 2.3 Arahan pengelolaan 'SUKAN MALAYSIA' akan terletak hak kepada Majlis Sukan Malaysia.

3. JAWATANKUASA TERTINGGI

- 3.1 Pengerusi Majlis Sukan Negara Malaysia hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia.
- 3.2 Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia hendaklah dilantik oleh Pengerusi Majlis Sukan Negara Malaysia terdiri daripada yang berikut:
 - a. **Ketua Setiausaha**, Kementerian Belia dan Sukan atau wakilnya.
 - b. **Ketua Pengarah**, Majlis Sukan Negara Malaysia atau wakilnya.
 - c. **Presiden**, Majlis Olimpik Malaysia atau wakilnya.
 - d. Semua **Pengerusi** Majlis Sukan Negeri atau wakilnya.
 - e. **Ketua Pegawai Eksekutif**, Institut Sukan Negara atau wakilnya.
- 3.3 Tempoh jawatan bagi Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi kecuali Pengerusi ialah selama tempoh dua (2) tahun. Ahli-ahli boleh dilantik semula.
- 3.4 Tempoh jawatan bagi seseorang ahli yang dilantik untuk mengisi sesuatu kekosongan ialah selama baki tempoh jawatan ahli yang mengosongkan jawatan itu.
- 3.5 Tugas-tugas Jawatankuasa Tertinggi ialah:-
 - a. Bertindak sebagai sebagai sebuah organisasi bebas yang akan menetapkan perkara-perkara dasar dan Peraturan Sukan Malaysia.
 - b. Menjamin Sukan Malaysia dapat berjalan dengan lancar menurut masa dan giliran yang ditetapkan.
- 3.6 Kuasa-kuasa Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia ialah:-
 - a. Pengerusi berkuasa memanggil sesuatu mesyuarat apabila difikirkan perlu. Separuh daripada ahli

Jawatankuasa Tertinggi yang menghadiri mesyuarat adalah dikira sebagai korum.

- b. Di dalam sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi, Pengerusi boleh menjemput wakil dari mana-mana badan yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat jika dengan kehadiran mereka dapat membantu Jawatankuasa.
- c. Prosedur dan tarikh akhir pendaftaran penyertaan bagi pertandingan sukan dalam Sukan Malaysia ditetapkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia.
- d. Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia boleh menggantung negeri, pasukan, pegawai, jurulatih atau atlet yang melanggar peraturan daripada mengambil bahagian di Sukan Malaysia yang berikutnya.
- e. Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia mempunyai kuasa untuk menjemput atau menerima permohonan mana-mana negara untuk bertanding dalam mana-mana acara sukan yang dipertandingkan dalam Sukan Malaysia sebagai peserta/kontinjen jemputan.
- f. Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia boleh mengarah atau menarik balik semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa yang lain sekiranya difikirkan perlu.

4. JAWATANKUASA KHAS TEKNIKAL

- 4.1 Jawatankuasa Khas Teknikal dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara atau wakilnya.
- 4.2 Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Teknikal yang lain adalah seperti berikut: -
 - a. **Presiden**, Majlis Olimpik Malaysia atau wakilnya
 - b. **Ketua Pegawai Eksekutif**, Sekretariat Sukan Malaysia semasa.
 - c. **Pengarah-Pengarah** Majlis Sukan Negeri atau wakilnya.
 - d. **Presiden**, Persatuan Sukan Kebangsaan yang terlibat atau wakilnya
- 4.3 Kuasa-kuasa dan tanggungjawab Jawatankuasa Khas Teknikal Sukan Malaysia ialah:

- a. Pengerusi Jawatankuasa Khas Teknikal berkuasa memanggil sesuatu mesyuarat apabila difikirkan perlu.
- b. Di dalam sesuatu mesyuarat, Pengerusi Jawatankuasa Khas Teknikal boleh menjemput wakil dari mana-mana badan yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat jika dengan kehadiran mereka dapat membantu Jawatankuasa.
- c. Bertanggungjawab untuk mengendalikan segala aspek persiapan, persediaan dan pengurusan teknikal pertandingan semua sukan dalam Sukan Malaysia
- d. Bertanggungjawab untuk menyelaras persiapan dan mengemukakan maklum balas kontinjen-kontinjen serta hal-hal lain yang berkaitan dengannya.
- e. Memutuskan bilangan dan acara yang dipertandingkan berdasarkan sukan yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia.

5. JAWATANKUASA PENGELOLA

- 5.1 Jawatankuasa Pengelola SUKAN MALAYSIA mengandungi seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan beberapa orang ahli yang difikirkan perlu yang dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia atau oleh Pengerusi Majlis Sukan Negeri-Negeri dan hendaklah disahkan oleh Pengerusi
- 5.2 Tempoh perkhidmatan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pengelola bermula dari tarikh ianya dilantik sehingga selesai pekerjaannya dan tidak lebih dari tarikh 'SUKAN MALAYSIA' berikutnya diadakan.
- 5.3 Jawatankuasa Pengelola adalah bertanggungjawab dalam:-
 - a. Menyediakan sepenuhnya pengelolaan 'SUKAN MALAYSIA'.
 - b. Mengadakan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pengelola dari masa ke semasa.
 - c. Menubuh dan melantik Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil dengan mempunyai bidang tugas khusus dalam melaksanakan pengelolaan 'SUKAN MALAYSIA'.
 - d. Pada amnya bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia.

5.4 Tugas-tugas Jawatankuasa Pengelola:-

- a. Majlis Sukan Malaysia menyerahkan segala tugas penganjuran **Sukan Malaysia** kepada negeri yang telah dipilih mengikut kandungan perjanjian yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak.
- b. Negeri hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pengelola yang disahkan oleh pihak berkuasa negeri dan segala urusan Penganjuran Sukan Malaysia perlulah mendapat kerjasama Majlis Sukan Malaysia, Jawatankuasa Tertinggi, Majlis Sukan Negara Malaysia, Persatuan Sukan Kebangsaan dan Negeri supaya pengelolaan Sukan Malaysia dibuat mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan
- c. Jawatankuasa Pengelola adalah bertanggungjawab membuat segala persediaan yang perlu untuk Sukan Malaysia dan ianya adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia.
- d. Wakil Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia dari semasa ke semasa hendaklah dijemput hadir ke Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa Pengelola
- e. Jawatankuasa Pengelola hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan yang terdiri daripada wakil setiap Persatuan Sukan Kebangsaan / Negeri bagi sukan yang dipertandingkan. Setiap sukan juga hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan mereka.

6. **URUSETIA TETAP**

- 6.1 Sebuah Urusetia Tetap Sukan Malaysia akan ditubuhkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara Malaysia atau wakilnya.
- 6.2 Urusetia Tetap ini bertanggungjawab untuk meneliti dan seterusnya membuat cadangan kepada pihak Jawatankuasa Tertinggi, Jawatankuasa Khas Teknikal atau Jawatankuasa Pengelola sekiranya terdapat perkara-perkara berbangkit yang boleh menjejaskan perjalanan pertandingan Sukan Malaysia.

7. SEKRETARIAT

- 7.1 Sekretariat adalah sebuah badan eksekutif yang bertugas sepenuh masa, dalam membantu mengelolakan 'SUKAN MALAYSIA'
- 7.2 Sekretariat adalah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia dan Jawatankuasa Pengelola

8. PERATURAN PENGELOLAAN

- 8.1 Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia akan menetapkan tarikh, bandar dan negeri di mana Sukan Malaysia berikutnya akan diadakan. Negeri yang diamanahkan bagi mengelolakan Sukan Malaysia adalah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Pengelola bagi mengendalikannya.
- 8.2 Negeri yang diberi penghormatan pengelolaan hendaklah memberi pengakuan bertulis atas kesanggupan bagi mengelolakan 'Sukan Malaysia'
- 8.3 'Sukan Malaysia' hendaklah seboleh-bolehnya diadakan dua tahun sekali berselang-seli dengan Sukan 'SEA'
- 8.4 Tempoh perlaksanaan 'Sukan Malaysia' hendaklah tidak melebihi 10 hari termasuk masa untuk acara perasmian dan penutup
- 8.5 Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia akan menetapkan jumlah dan jenis sukan yang akan dipertandingkan dalam Sukan Malaysia.
- 8.6 Jemputan untuk menyertai Sukan Malaysia hendaklah dihantar oleh Jawatankuasa Pengelola atas arahan Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia dan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Majlis Sukan Negeri-Negeri dan dengan mencatatkan perkataan-perkataan berikut : -

"Sesuai dengan arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia, maka dengan ini Jawatankuasa Pengelola Sukan Malaysia, 20..... dengan segala hormatnya menjemput Negeri menyertai dalam pertandingan yang akan diadakan di dari sehingga

- 8.7 Semua dokumen seperti kad-kad jemputan, borang penyertaan, borang-borang teknik, program dan sebagainya, dicetak, diukir atau yang digunakan sewaktu 'Sukan Malaysia' mahupun lencana hendaklah melahirkan atau menggambarkan '**Siri Bilangan**' dan '**Nama Bandar**' di mana berlangsungnya 'Sukan Malaysia'

9. BENDERA DAN LAMBANG

- 9.1 Lambang **Sukan Malaysia** yang mengandungi empat jalur aerodinamik yang berwarna merah, lima rangkaian gelang di sebelah kanan dan jalur kiri jalur aerodinamik yang berwarna biru, merah dan kuning dan 'Bulan' dan 'Bintang' yang berwarna kuning dalam kotak heksagon yang berwarna biru. Lambang ini tidak boleh digunakan untuk tujuan perniagaan kecuali dengan kelulusan Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia.
- 9.2 Bendera atau Logo 'Sukan Malaysia' hendaklah dikibarkan atau diletakkan bersama-sama dengan Bendera Negeri yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola di tempat-tempat pertandingan, di Perkampungan Sukan dan lain-lain tempat yang difikirkan sesuai.
- 9.3 Bendera Negeri-Negeri hendaklah dikibarkan di tempat-tempat pertandingan dan di Perkampungan Sukan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola
- 9.4 Satu batang tiang bendera bagi Bendera Sukan Malaysia hendaklah disediakan di atas rumput di dalam Stadium Utama diadakan dan hendaklah dikibarkan sepanjang tempoh Sukan Malaysia yang diadakan.
- 9.5 Bendera Sukan Malaysia hendaklah diserahkan kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi negeri yang menjadi tuan rumah berikutnya dalam Upacara Penutup Sukan Malaysia semasa.

10. PENAJAAN DAN KUTIPAN DERMA

- 10.1 Lambang atau Logo Sukan Malaysia tidak boleh digunakan bagi maksud perniagaan kecuali dengan kebenaran Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia
- 10.2 Setiap Negeri dan Jawatankuasa Pengelola boleh memasukkan ciri-ciri Logo Sukan Malaysia untuk menghasilkan rekabentuk Logo Sukan Malaysia yang berkenaan

- 10.3 Jawatankuasa Tertinggi mempunyai hak milik penuh ke atas Sukan Malaysia dan juga eksplotasi promosi dan penyiaran
- 10.4 Semua rundingan penajaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta hak penyiaran TV dan Radio hendaklah dibuat bersama antara Jawatankuasa Pengelola, Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia dan pihak penaja.
- 10.5 Setelah Jawatankuasa Pengelola dimansuhkan, Majlis Sukan Negeri tersebut hendaklah menyediakan dan menyerahkan satu laporan lengkap Penyata Kewangan yang telah diaudit kepada Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia selewat-lewatnya enam bulan selepas Sukan Malaysia berakhir.

11. PEMILIHAN TUAN RUMAH SUKAN MALAYSIA

- 11.1 Pemilihan Tuan Rumah Sukan Malaysia dibuat secara giliran mengikut negeri yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia.
- 11.2 Tuan Rumah Sukan Malaysia bagi 4 tahun berikutnya akan dibuat pemilihan pada mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia yang diadakan setiap kali sebelum Upacara Pembukaan Rasmi Sukan Malaysia.
- 11.3 Negeri yang terpilih dikehendaki menandatangani perjanjian setuju-terima dengan Majlis Sukan Negara. Perjanjian itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia atau wakilnya bagi pihak Majlis Sukan Negara dengan pihak berkuasa Majlis Sukan Negeri dan pihak berkuasa Kerajaan Negeri bagi negeri berkenaan.

12. PENETAPAN BILANGAN DAN JENIS SUKAN

- 12.1 Jumlah dan jenis-jenis sukan yang akan dipertandingkan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia dengan mengambilkira kepada keperluan pembangunan sukan semasa dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh negeri-negeri termasuk tuan rumah.
- 12.2 Sebanyak 28 jenis sukan telah disenaraikan untuk dipertandingkan di Sukan Malaysia 2024 sehingga Sukan Malaysia 2032. Sukan yang disenaraikan adalah seperti berikut:
 - 12.2.1 Akuatik (Renang & Terjun)
 - 12.2.2 Angkat Berat
 - 12.2.3 Badminton
 - 12.2.4 Berbasikal (Trek & Lebuhraya)
 - 12.2.5 Gimnastik (Artistik & Gimrama)
 - 12.2.6 Golf

- 12.2.7 Lawan Pedang
- 12.2.8 Memanah
- 12.2.9 Menembak
- 12.2.10 Olahraga
- 12.2.11 Pelayaran
- 12.2.12 Hoki
- 12.2.13 Judo
- 12.2.14 Ping Pong
- 12.2.15 Taekwondo
- 12.2.16 Karate
- 12.2.17 Lawn Bowls
- 12.2.18 Pencak Silat
- 12.2.19 Sepak Takraw
- 12.2.20 Skuasy
- 12.2.21 Tenpin Boling
- 12.2.22 Wushu
- 12.2.23 Bola Sepak
- 12.2.24 Bola Jaring
- 12.2.25 Bola Keranjang
- 12.2.26 Bola Tampar
- 12.2.27 Ragbi
- 12.2.28 Tennis

- 12.3 Negeri-negeri termasuk tuan rumah masih boleh mencadangkan lain-lain jenis sukan untuk penganjuran tahun semasa namun perlu diputuskan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia dalam tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan sebelum pengelolaan temasya.

13. ACARA PEMBUKAAN

- 13.1 DYMM Sultan atau TYT Yang Dipertua Negeri atau wakilnya bagi negeri yang diberi penghormatan pengelolaan Sukan Malaysia. DYMM/TYT akan disambut di pintu masuk stadium oleh Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa Pengelola. Kedua-dua Pengerusi ini akan mempersembah-kenalkan ahli-ahli Jawatankuasa masing-masing kepada DYMM/TYT
- 13.2 DYMM/TYT akan diringi masuk ke Pentas Diraja setelah itu Lagu Kebesaran Negeri berkenaan dimainkan
- 13.3 Lintas Hormat oleh semua Negeri yang mengambil bahagian bermula, setiap negeri akan berpakaian rasmi masing-masing menurut susunan abjad kecuali pasukan negeri tuan rumah akan mengekori dari belakang.

- 13.4 Sebaik sahaja pasukan akan melintas di hadapan Pentas Diraja, maka pasukan hendaklah memberi tabik hormat dengan memalingkan kepala ke arah Pentas Diraja . Semua pasukan akan berbaris di tengah-tengah padang menghadapi Pentas Diraja.
- 13.5 Pengerusi Jawatankuasa Pengelola menyampaikan ucapan dan seterusnya menjemput DYMM/TYT atau wakil untuk merasmikan pembukaan **Sukan Malaysia** dengan pengisytiharan berikut : -

"Beta/Saya dengan sukacitanya mengisytiharkan bahawa **SUKAN MALAYSIA** 20..... berlangsung di dari hinggadibuka dengan rasminya."

Ini akan diikuti dengan Bendera Sukan Malaysia dikibarkan secara perlahan-lahan dan pembawa obor berlari masuk ke Stadium dan terus menyalakannya kemudian diikuti dengan melafazkan '**IKRAR KEJOHANAN**' oleh seorang atlet dari negeri tuan rumah iaitu :-

"KAMI BERIKRAR BAHAWA KAMI AKAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM SUKAN MALAYSIA DENGAN IKHLAS, PATUH KEPADA SEGALA UNDANG-UNDANG DAN AKAN BERTANDING DENGAN PENUH SEMANGAT KESUKANAN BAGI MENINGKATKAN MUTU SUKAN NEGARA ".

- 13.6 Semua pasukan akan berjalan keluar dari padang dan diikuti oleh pertandingan atau pertunjukan yang dijadualkan.

14. UPACARA KEMENANGAN

- 14.1 Pingat-pingat kemenangan akan dihadiahkan kepada pemenang-pemenang sebaik sahaja selesai acara sesuatu pertandingan di tempat berlangsungnya pertandingan berkenaan. Pemenang pertama berdiri di tengah-tengah pemenang kedua di kanannya dan pemenang ketiga di kirinya.
- 14.2 Sebaik sahaja penyampaian pingat-pingat, maka lagu kebesaran bagi negeri pemenang akan dimainkan . Semua pemenang dan peserta akan berdiri menghormati Bendera Pemenang. Serentak dengan lagu Negeri Pemenang Pertama dimainkan, bendera negeri pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga dikibarkan di sebelah kanan atau kiri Pentas Orang Kenamaan.
- 14.3 Di dalam hubungan ini, Jawatankuasa Pengelola adalah diminta untuk menyediakan semua lagu-lagu negeri dan bendera semua negeri yang mengambil bahagian di Sukan Malaysia tersebut.

15. PINGAT KEMENANGAN

- 15.1 Pingat kemenangan untuk Sukan Malaysia hendaklah di sediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan ia mestilah di dalam bentuk medal sahaja.
- 15.2 Bagi acara individu dan berpasukan, pemenang pertama akan memenangi medal emas, pemenang kedua akan memenangi medal perak dan pemenang ketiga akan memenangi medal gangsa.
- 15.3 Sekiranya Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia / Jawatankuasa Khas Teknikal membuat keputusan pertandingan mesti dijalankan atas sebab-sebab yang perlu dan munasabah walaupun penyertaan tidak mencukupi 6 peserta/pasukan, medal kemenangan individu dan berpasukan akan diberikan mengikut peraturan berikut :-
 - 15.3.1 Sukan-sukan selain daripada sukan-sukan seni mempertahankan diri (acara tempur sahaja)
 - a. 5 peserta / pasukan dan lebih : emas, perak dan gangsa.
 - b. 4 peserta / pasukan : emas, perak sahaja.
 - c. 3 atau 2 peserta/pasukan : emas sahaja
 - d. peserta / pasukan yang tewas di peringkat separuh akhir akan bertarung untuk menentukan pingat gangsa.
 - 15.3.2 Sukan-sukan seni mempertahankan diri (tidak termasuk acara seni)
 - a. 5 peserta dan lebih : emas, perak dan gangsa
 - b. 4 atau 3 peserta : emas dan perak sahaja
 - c. 2 peserta : emas sahaja
 - c. Kedua-dua peserta yang tewas di peringkat separuh akhir secara automatik akan menerima pingat gangsa.
- 15.4 Setiap peserta yang didaftarkan di dalam acara yang dimenangi adalah layak untuk menerima medal kemenangan.

16. PIALA PUSINGAN

16.1 Majlis Sukan Negara akan menyediakan piala-piala pusingan manakala Negeri tuan rumah akan menyediakan piala iringan bagi anugerah seperti berikut :-

- i. Johan Keseluruhan
- ii. Atlet Lelaki Terbaik
- iii. Atlet Wanita Terbaik

16.2 Pemilihan johan keseluruhan adalah berdasarkan kepada negeri yang memenangi pingat emas yang paling banyak. Jika seri, jumlah pingat perak dan gangsa akan diambil kira.

17. UPACARA PENUTUPAN

17.1 Upacara Penutupan Rasmi hendaklah dilakukan sebaik sahaja selesai acara pertandingan yang terakhir. Tempatnya adalah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.

17.2 Semua peserta akan berbaris masuk ke Stadium menurut jenis sukan berdasarkan abjad dan mengambil tempat di tengah-tengah padang menghadapi Pentas Diraja.

17.3 Tetamu Kehormat yang dijemput untuk merasmikan penutupan Sukan Malaysia akan membuat pengisytiharan berikut :-

"Beta/Saya dengan sukacitanya mengisytiharkan 'SUKAN MALAYSIA' ditutup dengan rasminya. Semoga semua pegawai, jurulatih dan atlit akan dapat berhimpun semula dua tahun dari sekarang di untuk menyertai SUKAN MALAYSIA Ke"

18. SENARAI TERTIB ORANG-ORANG KENAMAAN YANG DISYORKAN

18.1 Panduan senarai tertib Orang-orang Kenamaan yang disyorkan adalah seperti berikut : -

- i. DYMM Seri Padukan Baginda Yang DiPertuan Agong, keluarga Baginda dan wakil-wakil rasmi Baginda.
- ii. DYMM Sultan dan Sultanah/TYT Gabenor dan Isteri.
- iii. DYTm Tengku Mahkota/Raja Muda dan Isteri.
- iv. Perdana Menteri dan Isteri.
- v. Timbalan Perdana Menteri dan Isteri.

- vi. Menteri Besar.
- vii. Menteri Belia dan Sukan.
- viii. Pengerusi Jawatankuasa Pengelola.
- ix. Menteri-Menteri Kabinet.
- x. Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia
- xi. Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negara Malaysia
- xii. Lembaga Eksekutif Majlis Olimpik Malaysia
- xiii. Panel Penasihat Sukan
- xiv. Ahli Majlis Undangan Negeri
- xv. Jawatankuasa Pengelola

19. TEMPAT DUDUK KHAS

19.1 Tempat duduk hendaklah dikhaskan di semua tempat pertandingan berdasarkan peraturan-peraturan berikut :-

19.1.1 Pentas DiRaja

- DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.
- DYMM Sultan dan Sultanah/TYT Gebenor dan Isteri
- DYMM Tengku Mahkota/Raja Muda dan DYTM Tengku Puan
- Perdana Menteri dan Isteri
- Timbalan Perdana Menteri dan Isteri
- Menteri Besar
- Menteri Belia dan Sukan
- Pengerusi Jawatankuasa Pengelola

19.1.2 Susunan pentas orang kenamaan adalah mengikut keutamaan berikut :-

Tempat Duduk Orang Kenamaan I

- Menteri-Menteri Kabinet mengikut keutamaan dari segi kekananan.
- Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia.
- Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negara Malaysia
- Lembaga Eksekutif Majlis Olimpik Malaysia
- Panel Penasihat Sukan

Tempat Duduk Orang Kenamaan II

- Ahli Majlis Undangan Negeri.
- Keluarga DiRaja.

Tempat Duduk Orang Kenamaan III

- Jawatankuasa Pengelola.
- Pengarah-Pengarah Majlis Sukan Negara.
- Pengarah-Pengarah Majlis Sukan Negeri.
- Tetamu Kehormat yang tidak disenaraikan dalam tempat duduk Orang Kenamaan I dan II

20. KAD PENGENALAN DIRI

20.1 Jawatankuasa Pengelola hendaklah mengeluarkan Kad Pengenalan Diri Sukan Malaysia kepada pegawai-pegawai dan atlet yang didaftarkan mengikut Peraturan Am Sukan Malaysia dan kepada tetamu-tetamu khas yang diiktiraf (accredited) oleh Jawatankuasa Pengelola.

20.2 Pengeluaran Kad Pengenalan Diri hendaklah dikeluarkan mengikut kategori yang ditetapkan seperti berikut : -

20.2.1 EMAS (JKT)

- Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia

20.2.2 EMAS (A)

- Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negara
- Lembaga Eksekutif Majlis Olimpik Malaysia

- Panel Penasihat Sukan
- Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Induk Pengelola
- Pengerusi Majlis Sukan Negeri
- Ketua Kontinjen
- Presiden Persatuan Sukan Kebangsaan
- Pengarah-Pengarah Majlis Sukan Negeri.
- Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Khas Teknikal
- Pengarah Bahagian Majlis Sukan Negara
- Urusetia Tetap Sukan Malaysia

20.2.3 PERAK (B)

- Ahli Jawatankuasa Kecil Pengelola Pengelola
- Sekretariat Sukan Malaysia
- Timbalan Ketua Kontinjen
- Ahli Majlis Persatuan Sukan Kebangsaan dan Negeri
- Pengurus Pertandingan Sukan
- Pegawai Petugas Majlis Sukan Negara

20.2.4 BIRU (C)

- Pegawai Pengiring

20.2.5 KUNING (D)

- Pegawai Teknikal Pertandingan
- Pengurus Venue
- Penolong Pegawai Teknikal Pertandingan
- Sukarelawan Sukan

20.2.6 MERAH (E)

- E – Wartawan Media cetak
- E-P – Jurufoto Media Cetak
- E-HB– Media penyiaran

20.2.7 HIJAU (F)

- FA – Atlet
- FO1 – Pegawai Kontinjen Ibupejabat
(Sekretariat & Perubatan)
- FO2 – Pegawai Kontinjen Sukan
(Pengurus, Jurulatih, Perubatan)
- FX – Pegawai Tambahan, Rakan Pelatih

20.2.8 UNGU (G)

- Tetamu kehormat Persekutuan,

- Ahli Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Kementerian
- Tetamu kehormat Negeri tuan rumah
- Tetamu kehormat Negeri Peserta
- Pasangan kepada kad JKT

20.2.9 JINGGA (O)

- Pemerhati
- Pelawat Negeri Peserta

20.2.10 COKLAT (T)

- Penaja

20.2.11 MERAH JAMBU (W)

- Sukarelawan
- Petugas Am
- Kontraktor
- Lain-lain petugas.

20.2.12 HITAM (X)

- Kawalan Keselamatan

20.3 Di semua tempat pertandingan hendaklah disediakan tempat duduk khas bagi pegawai atau tetamu khas yang memegang Kad Pengenalan Diri Kategori Kad JKT, A (Emas), B (Perak), G (Ungu) dan kepada Pemberita Akhbar yang memegang Kad Pengenalan Diri dalam Kategori E (Merah).

20.4 Perincian bagi Kategori Kad Pengenalan diri seperti pada Lampiran 1 serta Senarai Kod Akses Venue dan Zon seperti pada Lampiran 2.

21. PINDAAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

21.1 Semua undang-undang, Peraturan Tetap dan Peraturan Am Sukan Malaysia hanya boleh dipinda setelah dibincangkan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Tertinggi Sukan Malaysia sahaja.

Pindaan pada 26 Februari 2025
 Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Bil 12
 Pada : 26 Februari 2025 (Rabu)
 Masa : 2:30 petang hingga 4:00 petang
 Tempat : Bilik Persidangan, Tingkat 4, Menara KBS

LAMPIRAN 1 – KATEGORI KAD PENGENALAN DIRI

P.CatID	S.P Cat Desc (display on card)	Organisation Group (1st field in system)	Role/Position (display on card)	Organization (display on card)	SPORT (display on card)	VENUE CODE	ZONE & SEAT CODE	REMARKS
GOLD	JKT	{JK TERTINGGI}	PENGERUSI	MSNM	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,VIP, 	YB Menteri Belia & Sukan
			AJK TERTINGGI	MSNM	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,VIP, 	Dato' KP MSN, Ahli: KSU,Presiden MOM, YB Exco2 Sukan
	A	{MAJLIS SUKAN TERTINGGI}	LEMBAGA EKSEKUTIF	MOM	-	HQ,∞	5	Ahli Lembaga Eksekutif MOM
			LEMBAGA PENGURUS	MSNM	-	HQ,∞	5	Ahli Lembaga Pengurus MSN
			PANEL PENASIHAT SUKAN	KBS	-	HQ,∞	5	Panel Penasihat Sukan yg dilantik oleh Menteri Belia & Sukan
		{PENGANJUR TERTINGGI}	PENGERUSI	JK PENGELOLA	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL, VIP, 	Pengerusi JK Induk Pengelola (Menteri Besar Negeri Pengelola)
			AHLI MAJLIS	JK PENGELOLA	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL, 5, 	AJK Induk SUKMA (termasuk Timb. Pengerusi,KPE & Pengerusi2 Jk Kecil Pengelola
			PENGERUSI	JK KHAS TEKNIKAL	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,VIP, 	Pengerusi JK Khas Teknikal
			AHLI MAJLIS	JK KHAS TEKNIKAL	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,5	Ahli Jawatankuasa Khas Teknikal
		MAJLIS SUKAN {NEGERI}	PENGERUSI	MAJLIS SUKAN <NEGERI>	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,VIP, 	Exco Sukan Negeri
			PENGARAH	MAJLIS SUKAN <NEGERI>	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,5	Pengarah MSN Negeri sahaja
		{NEGERI}	KETUA KONTINJEN	<NEGERI>	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,VIP, 	Ketua Kontinjen Negeri

GOLD	A	{PSK}	PRESIDEN	<PSK>	-	VP	ALL,5	Presiden PSK (Sahaja)
			KETUA DELEGAT TEKNIKAL	<PSK>	-	VP	ALL,5	KDT
		{MSNM}	PENGARAH BAHAGIAN	MSNM	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,5	Pengarah Bahagian di MSN
			URUSETIA TETAP SUKMA	MSNM	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,5	Urusetia Tetap SUKMA di MSN
SILVER	B	{JAWATANKUASA}	AJK PENGELOLA	<JAWATANKUASA>	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,5	Semua ahli mengikut Jawatankuasa Kecil Pengelola
		{NEGERI}	TIMB KETUA KONTINJEN	<NEGERI>	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,5,	Timb Ketua Kontinjen Negeri (Sahaja)
		MAJLIS SUKAN {NEGERI}	AHLI MAJLIS	<MAJLIS SUKAN <NEGERI>	-	∞	4,5	Ahli Majlis MSN Negeri (termasuk Timb Pengarah MSN Negeri)
		{SUKAN} PERSATUAN SUKAN NEGERI	PRESIDEN	<SUKAN> PERSATUAN SUKAN NEGERI	<SUKAN>	VP	ALL,5	Presiden Persatuan Sukan Negeri Pengelola
		{SUKAN} PERSATUAN SUKAN NEGERI	AHLI MAJLIS	<SUKAN> PERSATUAN SUKAN NEGERI	<SUKAN>	VP	ALL,5	Ahli Majlis Persatuan Sukan Negeri (Jawatan selain Presiden)
		{PSK}	AHLI MAJLIS	<PSK>	<SUKAN>	VP	ALL,5	Ahli Majlis Persatuan Sukan Kebangsaan (Jawatan selain Presiden)
		PSN	PENGURUS PERTANDINGAN	PSN	<SUKAN>	VP	ALL,5	Pengurus Pertandingan Sukan bawah PSN
		{MSNM}	PEGAWAI	MSNM	-	∞	ALL,5	Pegawai Majlis Sukan Negara (selain Pengarah Bahagian MSN)
BLUE	C	{NEGERI}	PEGAWAI PENGIRING	null	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,5	Pengiring VIP Negeri
		{VIP}	PEGAWAI PENGIRING	null	-	HQ,∞,AV,MPC,NBC	ALL,5	Pengiring VIP Federal

YELLOW	D	{PSK}	PEGAWAI TEKNIKAL	<PSK>	<SUKAN>	VP	ALL	Pegawai Teknikal (Ketua Pengadil/Pengadil) bawah PSK
		{SUKAN} PERSATUAN SUKAN NEGERI	PEGAWAI TEKNIKAL	<SUKAN> PERSATUAN SUKAN NEGERI	<SUKAN>	VP	ALL	Pegawai Teknikal (Ketua Pengadil/Pengadil) bawah PSN Negeri Penganjur
		{SUKAN} PERSATUAN SUKAN NEGERI	PEMBANTU TEKNIKAL	<SUKAN> PERSATUAN SUKAN NEGERI	<SUKAN>	VP	ALL	Pembantu Teknikal di bawah PSK/PSN Johor
			URUSETIA KEJOHANAN	<SUKAN> PERSATUAN SUKAN NEGERI	<SUKAN>	VP	ALL	Urusetia Kejohanan drpd PSN Johor
			SUKARELAWAN TEKNIKAL	<SUKAN> PERSATUAN SUKAN NEGERI	<SUKAN>	VP	ALL	Sukarelawan sukan yang bertugas di venue di bawah PSN Johor
		{JAWATANKUASA}	PENGURUS VENUE	<JAWATANKUASA>	<SUKAN>	VP	ALL	Pengurus Venue (bawah JK Pengelola) mengikut sukan
RED	E	{NEGERI}{MEDIA}	WARTAWAN	<AGENSI MEDIA>		∞,MPC,NBC	3	Media Tuan Rumah dan termasuk media daripada Negeri peserta
	E-P		JURUFOTO	<AGENSI MEDIA>	-	∞,MPC,NBC	3	
	E-HB		MEDIA PENYIARAN	<AGENSI MEDIA>	-	∞,MPC,NBC	3	
GREEN	FA	{NEGERI}	ATLET	<NEGERI>	<SUKAN>	VP,AV	1,4, 	
	FO1		URUSETIA KONTINJEN	<NEGERI>	-	∞,AV	1,4, 	Ibu Pejabat (Sekretariat & Perubatan)
	FO2		PEGAWAI	<NEGERI>	<SUKAN>	VP,AV	1,4, 	Sukan (Jurulatih, Perubatan)
	FO2		PENGURUS PASUKAN	<NEGERI>	<SUKAN>	VP,AV	1,4, 	Pengurus Pasukan Kontinjen mengikut Sukan
	FX		PEGAWAI TAMBAHAN-SUKAN	<NEGERI>	<SUKAN>	VP,AV	1,4	Pegawai Tambahan ada Sukan
	FX		PEGAWAI TAMBAHAN	<NEGERI>	-	∞,AV	1,4	Pegawai Tambahan tiada Sukan

PURPLE	G	{NEGERI}	TETAMU KHAS	<NEGERI>	-	HQ,∞	5	Tetamu Kehormat Negeri Pengelola/peserta; Exco Negeri dan pasangan
		{TETAMU}	TETAMU KHAS	null	-	HQ,∞	5	Timb. Menteri Persekutuan dan pasangan Tetamu Kehormat Persekutuan (ahli MPT Kementerian);
ORANGE	O	{NEGERI}	PEMERHATI	<NEGERI>	-	∞	6	Pemerhati dan Pelawat Negeri Peserta (Cth:Pegawai Daerah, Kelab Penyokong dll)
PINK	W	{NEGERI}	PETUGAS	<NEGERI>	-	∞	ALL	Pemandu Negeri
		{JAWATANKUASA}	PETUGAS	<JAWATANKUASA>	-	∞	ALL	Petugas di bawah JK Kecil Pengelola (kecuali JK Keselamatan)
			SUKARELAWAN	<JAWATANKUASA>	-	∞	ALL	Sukarelawan yang bertugas mengikut Jawatankuasa
			KONTRAKTOR	<JAWATANKUASA>	-	∞	ALL	
		{PETUGAS}	PEMULIHAN & REHAB	INSTITUT SUKAN NEGARA	-	∞,AV	1,6	
BROWN	T	{PENAJA}	PENAJA	<AGENSI PENAJA>	-	∞	5	Pengurusan Tertinggi Penaja
BLACK	X	{PETUGAS}	KESELAMATAN	<AGENSI>	-	∞	ALL	Petugas agensi keselamatan (Polis ,Trafik) yg bertugas di bawah JK Keselamatan.
WHITE	VIP	{NEGERI}	VIP	<NEGERI>	-	∞	VIP	DYMM Sultan/Duli Tuanku/ TYT Negeri dan Pasangan, Ahli Kerabat Penganjur Primier /Menteri Besar/ Ketua Menteri dan Pasangan
	VIP	{VIP}	VIP	null	-	∞	VIP	Menteri Persekutuan dan Pasangan Pasangan JKT

LAMPIRAN 2 –SENARAI KOD AKSES VENUE DAN ZON

VENUE ACCESS CODE	
HQ	Official Headquarters Hotel
∞	All competition & training venues
VP	Competition Venue By Sport
AV	Athlete Village
MPC	Media Press Centre
NBC	National Broadcasting Centre

TRANSPORT ACCESS CODE	
T1	Drop off and Park (Dedicated)
T2	Drop off ONLY (Pool vehicle)
T3	Drop off (Contingent)

ZONE AND SEATING ACCESS CODE	
ALL	All zone access
1	Athlete preparation & competition area
2	Operation Venue Room
3	Press Area/Media Seat
4	Contingent Seat
5	Guest Seat
6	Public Seat
VIP	VIP seat, VIP Lounge
	Athlete Village Dining Hall area